

03 MAY 1999

Mahathir-Kerajaan

ANGGOTA PENTADBIRAN PERLU PATUH ARAHAN K'JAAN, KATA DR MAHATHIR

BANGI, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah menjadi tanggungjawab anggota pentadbiran kerajaan untuk mematuhi segala dasar dan arahan kerajaan yang memerintah, kerana jika tidak, ia boleh menimbulkan huru-hara dalam negara.

Perdana Menteri berkata beliau menyedari terdapat anggota jentera pentadbiran yang memikirkan perlu ada reformasi dalam kerajaan.

Tetapi sebagai anggota kerajaan mereka tidak ada pilihan lain selain melaksanakan rancangan dan program kerajaan yang menjadi pilihan rakyat sehinggalah kerajaan baru ditentukan oleh pilihan raya akan datang, katanya.

"Dalam sistem demokrasi berparlimen, jentera pentadbiran ialah alat kerajaan yang dipilih rakyat, oleh itu mereka tidak boleh membuat pendirian yang terasing dari kerajaan," katanya ketika berucap merasmikan persidangan pegawai-pegawai daerah seluruh Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata: "Mungkin mereka fikir dasar kerajaan tak kena atau (mereka) tak suka parti yang jadi kerajaan dan lebih berpihak kepada parti lawan. Tetapi, sebagai anggota pentadbiran menjadi tanggungjawab mereka untuk mematuhi arahan kerajaan semasa."

Dr Mahathir berkata tanggungjawab yang sama dituntut apabila kerajaan bertukar, dan anggota pentadbiran perlu pula patuh kepada kerajaan yang baru.

"Pada ketika itu kita terpaksa pula terima kerajaan baru, walaupun kita tidak suka, kita perlu terima, akur dan patuh kepada dasar dan rancangannya. Ini sistem kita. Kalau kita tidak patuhi peraturan, akan wujud huru-hara dan kita tidak boleh melaksanakan apa-apa kalau kita tidak patuhi cara kita tadbir negara kita," katanya.

Katanya kesetiaan semua anggota pentadbiran, daripada jawatan Ketua Setiausaha Negara kepada budak pejabat, perlu ditunjukkan kepada kerajaan semasa.

Dr Mahathir berkata anggota pentadbiran sememangnya boleh menggunakan kuasa di tangan mereka untuk menggagalkan projek pembangunan bagi menjatuhkan kerajaan pemerintah yang tidak disukai mereka.

"Kalau mereka mula bertindak demikian percayalah sistem pentadbiran kita akan hancur jika kita memihak kepada orang itu atau orang ini," katanya.

Perdana Menteri menyatakan kemungkinan apabila sesuatu kerajaan baru naik, anggota pentadbiran yang menyokong kerajaan yang terdahulu mungkin pula melakukan sabotaj dengan menggagalkan rancangan dan program kerajaan yang baru.

"Yang jadi mangsanya rakyat dan yang akan menerima akibat buruk ialah negara bila pentadbir dipengaruhi perasaannya," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata pegawai kerajaan sekarang menjalankan tugas seperti yang dikehendaki sehingga membolehkan negara mencapai kemajuan luar biasa.

Malaysia membangun atas usaha dan kecekapan jentera pentadbirannya sendiri.

"Semua ini bergantung kepada pentadbiran yang tidak menyeleweng dan tidak menggunakan kedudukan untuk menjayakan hasrat masing-masing," katanya.

Perdana Menteri juga berkata usaha Malaysia memulihkan ekonomi melalui langkah-langkah tertentu mula diterima banyak pihak dan Bank Dunia serta

Tabung Kewangan Antarabangsa mengakui teguran negara mengenai kerosakan yang boleh dibawa pedagang matawang.

"Kerajaan mengambil pendekatan yang membolehkan kita menguasai negara kita secara menyeluruh, tak ada suara orang asing yang perlu kita terima," katanya.

Persidangan itu dihadiri 230 peserta termasuk pegawai daerah, pengarah-pengarah pembangunan persekutuan dan negeri.

Ia dianjurkan Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MAM RON